

# MAJLIS MAKAN BERADAT WISMA PERWIRA PU KUANTAN

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2845-majlis-makan-beradat-wisma-perwira-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2845-majlis-makan-beradat-wisma-perwira-pu-kuantan)

KUANTAN, 3 Jan 18 – Wisma Perwira PU Kuantan telah menganjurkan Majlis Makan Beradat sempena meraikan *Dining In/Out* para pegawai PU Kuantan. Majlis ini telah berlangsung di Dewan Sri Angkasa PU Kuantan. Turut hadir ialah Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Noor Mohamad Akamar bin Mohd Dom TUDM bersama isteri.

Seramai 230 orang anggota Wisma Perwira telah hadir bersama-sama pasangan masing-masing. Majlis Makan Beradat ini telah diiringi oleh kumpulan pancaragam dari PU Kuala Lumpur dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada pegawai-pegawai yang telah menamatkan perkhidmatan serta juga yang telah bertukar keluar.

